

11 FEB 2003

Mahathir-Sabah

GILIRAN UMNO AMBIL ALIH JAWATAN KETUA MENTERI SABAH

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekosongan jawatan Ketua Menteri Sabah pada bulan depan berikutan tamatnya tempoh perkhidmatan Datuk Chong Kah Kiat, akan diisi oleh wakil daripada Umno berdasarkan kepada sistem penggiliran jawatan itu.

Perdana Menteri turut menafikan dakwaan kononnya Chong telah memintapaya perkhidmatannya dilanjutkan.

Sambil melahirkan rasa kecewa dengan tuduhan itu, Dr Mahathir berkata dakwaan itu tidak benar sama sekali kerana pertemuannya dengan Chong pada 6 Feb lepas adalah mengenai soal melepaskan jawatan.

"Dia (Chong) datang kepada saya buat cadangan, kalau boleh dia nak cuti sebulan dulu supaya penggantinya dapat pengalaman kerja-kerja ini (sebagai Ketua Menteri). Itu tujuan dia datang jumpa saya, bukannya dia minta hendak lanjutkan dia punya ni (perkhidmatan), tak ada langsung. Saya tak dengar dia kata apapun berkenaan dengan perkara itu (minta lanjut tempoh perkhidmatan).

"Saya ingat sangkaan buruk daripada orang tak ada lain, melainkan semua ahli politik jahat-jahat belaka," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai laporan dalam sebuah akhbar utama bahawa Chong telah berjumpa dengan beliau untuk meminta pertimbangan supaya tempohnya sebagai Ketua Menteri yang akan berakhir bulan depan dilanjutkan.

Ruangan "Bisik-bisik Mingguan" tulisan Awang Selamat dalam akhbar Mingguan Malaysia pada Ahad lepas menyatakan Chong, yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), telah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir baru-baru ini untuk memohon supaya dipertimbangkan tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Menteri.

Hari ini, pegawai akhbar Chong, Raja Abidin Raja Sulong menafikan laporan itu dan berkata, Ketua Menteri Sabah itu merasa amat terkilan.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah yang diilhamkan oleh Dr Mahathir, diperkenalkan pada 1994 untuk memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menyandang jawatan itu secara bergilir-gilir untuk tempoh dua tahun.

Chong adalah Ketua Menteri keenam dalam sistem penggiliran itu selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Mengenai calon pengganti Chong, Perdana Menteri berkata, ketua menteri yang baru akan dipilih tetapi jawatan itu tidak "mempunyai calon".

"Tak ada calon, kita tidak pakai calon...bukan boleh submit (serah borang bahawa)...saya hendak jadi Ketua Menteri. Borang apapun tak ada," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan pilihan raya negeri Sabah diadakan serentak dengan pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata: "Semua ada kemungkinan, kalau ada mungkin, kita mungkinlah."

Mandat kerajaan negeri Sabah akan berakhir pada April tahun depan.

Pada 6 Feb lepas, Perdana Menteri menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau berundur pada Oktober ini.

Mengenai cadangan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk mewajibkan setiap parti dan calon menandatangani satu akujanji mulai pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata perkara tidak menimbulkan masalah kepada Barisan Nasional.

"Kita (Barisan Nasional) tidak ada masalah tinggal lagi orang lainlah. Bila dia nampak dia tidak boleh menang, dia hendak guna keganasan,"

katanya.

Mengenai cadangan supaya calon yang melanggar akujanji itu hilang kelayakan bertanding, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu dan ia perlu diteliti kerana ia sekadar cadangan SPR.

"Kita tak tahu apa pun lagi, tidak boleh nak komenlah," katanya.

Pengerusi SPR Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman hari ini dilaporkan sebagai berkata bahawa setiap calon yang melanggar akujanji pilihan raya dengan melakukan amalan politik tidak sihat termasuk berkempen secara ganas akan hilang kelayakan untuk bertanding mulai pilihan raya akan datang.

Mengenai taklimat yang diberikan SPR semalam, Dr Mahathir berkata ia adalah mengenai "electronic voting" pengundian secara elektronik dan mekanisme pengundian itu.

"SPR buat demonstrasi tunjuk pada saya. Tapi kerajaan belum lagi timbang sama ada kita akan menggunakan electronic voting," katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, berkata pengundian secara elektronik mungkin dilaksanakan di negara ini kerana ia lebih moden dan memudahkan keputusan diperolehi dengan cepat.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai cadangan Badan Perhubungan Umno Kelantan dan Terengganu supaya calon pilihan raya bagi negeri berkenaan ditentukan lebih awal.

"Saya dah kata saya akan tengoklah, sama ada hendak awal...berapa awal? Setahun dulu ke, 10 tahun dulu ke, atau sehari dulu ke, awal juga relatif," katanya.

Mengenai laporan bahawa Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah menemui beberapa individu yang dikaitkan dengan keganasan, Dr Mahathir berharap mereka tidak terlibat dalam kegiatan jenayah.

"Tidak ada salahnya berjumpa orang lain tetapi kita nak tahu tujuan pertemuan mereka. Jika mereka berjumpa untuk merancang kegiatan ganas, tentunya mereka disabitkan," katanya.

Sebuah akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan bahawa Abdul Hadi telah menghadiri satu kongres di Indonesia yang turut dihadiri ketua kumpulan Jemaah Islamiyah, Abu Bakar Ba'asyir dan ketua kumpulan Laskar Jundullah, Agus Dwikarna.

-- BERNAMA

HS KHY MAI